



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 70 / 2020

SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI PARLIMEN P.054 GERIK, PERAK DAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.66 BUGAYA, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham **YB Dato' Hasbullah bin Osman** atas kembalinya Allahyarham ke rahmahtullah pada **16 November 2020 (Isnin)**. SPR turut mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarhamah **YB Puan Manis Muka binti Mohd. Darah** atas kembalinya Allahyarhamah ke rahmahtullah pada **17 November 2020 (Selasa)**. Semoga keluarga Allahyarham dan Allahyarhamah tabah menghadapi kehilangan orang yang tersayang.
2. Sehubungan dengan itu, SPR telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Datuk Azhar Azizan Harun, Yang di-Pertua Dewan Rakyat** pada **18 November 2020**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Parlimen P.054 Gerik, Perak**. Selaras dengan **Perkara 54 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan**, SPR akan mengadakan satu Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.

3. Manakala, untuk kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Undangan Negeri (DUN) N.66 Bugaya, Sabah**, SPR telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Datuk Haji Kadzim Hj. M. Yahya, Speaker DUN Sabah** pada **23 November 2020**. Satu PRK juga akan diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut berdasarkan kepada **Artikel 21 (5) Perlembagaan Negeri Sabah**.

4. Justeru itu, SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas pada **27 November 2020 (Jumaat), jam 9.30 pagi** bertempat di Ibu Pejabat SPR, Menara SPR, Putrajaya. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Datuk Abdul Ghani Salleh, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya** yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting PRK seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut.

Sekian, terima kasih.

DATUK IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 24 November 2020 / 8 Rabiulakhir 1442H